

21 JUN 1996  
Sanusi-Maaf  
SANUSI MEMAAFKAN 22 ADUN

ALOR SETAR, 21 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid memaafkan 22 Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah yang mengambil pendirian menentang kepimpinannya sebelum ini.

Beliau sudah memaafkan tindakan mereka itu, baik yang dinyatakan dalam memorandum yang dihantar kepada Perdana Menteri pada Mac lepas mahupun usaha-usaha yang dilakukan untuk memburukkan namanya.

Beliau tahu semua yang berlaku serta apa yang dikatakan tentangnya, kata beliau.

"Saya tahu semua yang berlaku ... apa orang kata kepada saya, menfitnah saya. Macam-macam dikatakan terhadap saya," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan para ADUN Barisan Nasional (BN) Kedah, di sini, malam tadi. Sambil mengatakan bahawa memaafkan itu sifat yang mulia, Sanusi mengingatkan supaya perbuatan itu tidak diulangi dan peristiwa yang lepas tidak perlu disebut-sebut lagi.

"Cukuplah. Kita tutup semua kisah ini dan kita anggap ia satu pengalaman yang menjadi pengajaran kepada kita.

"Selepas proses maaf ini, saya berharap apa yang berlaku tidak berulang lagi. Kalau berlaku juga, saya mungkin tidak akan baik seperti ini lagi," katanya.

Mac lepas, 22 ADUN dari UMNO Kedah menandatangani memorandum yang menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Tan Sri Haji Osman Aroff dan menolak sebarang usaha menggantikan beliau sebagai Menteri Besar.

Mereka juga menolak sebarang rancangan melantik Sanusi menerajui kerajaan negeri.

Tindakan mereka itu dilaporkan tidak disenangi Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan bahawa ia bertentang dengan adat parti, yang berbincang dalam membuat sesuatu keputusan.

Kesemua ADUN terbabit kemudian dipanggil memberi penjelasan kepada Perdana Menteri mengenai kenyataan itu. -- BERNAMA

MFJ PR